

# Tanya Cikgu Naim



## SOALAN

Apakah yang dikatakan **kata sifat** ?

Oleh: Muhammad Iqbal, Darjah 5, Sekolah Rendah Griffiths

## JAWAPAN

**Kata Sifat** sama dengan Kata Adjektif, iaitu kata yang menerangkan keadaan atau sifat sesuatu.

Contoh:

Budak itu **pandai**.

Jiran saya **peramah**.

Rumah di tepi pantai itu **kecil**.

Buah durian yang dibeli ibu itu sangat **manis**.

Murid yang baru masuk ke sekolah saya itu **bijak** dan **baik** budi bahasanya.

Kata adjektif boleh dibahagikan kepada beberapa golongan. Antaranya:

1. Kata Adjektif sifatan (keadaan) - baik, lemah, takut, terang
2. Kata Adjektif warna - hitam, kelabu, merah jambu,
3. Kata Adjektif ukuran - besar, kerdil, singkat, nipis
4. Kata Adjektif bentuk - lurus, bengkok, bulat, lonjong
5. Kata Adjektif waktu - lewat, lambat, silam, suntuk
6. Kata Adjektif jarak - jauh, hampir, dekat, nyaris
7. Kata Adjektif cara - gopoh, lincah, perlahan, selalu
8. Kata Adjektif perasaan - benci, sayang, suka, sedih
9. Kata Adjektif pancaindera - manis, masin, payau, lemak

Kata adjektif boleh dikenal pasti dengan diawali atau diakhiri kata penguat (amat, sangat, terlalu, sekali, agak, paling, benar, dan sebagainya)

Contoh:

Pokok di tepi jalan itu **sangat** tinggi.

Budak itu **paling** pandai.

Orang kaya **amat** pemurah.

Lambat **benar** bas itu sampai.

Banjir kali ini buruk **sekali**.

Indah **sungguh** pemandangan di pulau ini.

Kata Penguat **tidak boleh** digunakan lebih daripada sekali dalam sesuatu ayat. Contoh:

- Pelajar yang **paling** pandai **sekali** akan diberi hadiah.
- Banjir yang **terburuk** **sekali** itu telah menyurut.